



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN KEWANGAN

SUMBANGAN TUNAI RAHMAH (STR) FASA 1 TAHUN 2026 DISALURKAN MULAI 20 JANUARI 2026

Seperti diumumkan oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, dalam Perutusan Tahun Baharu 2026 pada 5 Januari 2026, Kerajaan MADANI akan mula menyalurkan **Sumbangan Tunai Rahmah (STR) Fasa 1 Tahun 2026 bermula 20 Januari 2026.**

Bagi fasa ini, sebanyak **RM1.1 bilion** diperuntukkan, memanfaatkan **3.7 juta isi rumah dan 1.3 juta warga emas tiada pasangan.** Penerima akan menerima **sebanyak RM100 sehingga RM500, mengikut kategori kelayakan masing-masing.**

Selaras dengan usaha Kerajaan MADANI untuk memastikan inisiatif Kerajaan dapat mengurangkan beban kos sara hidup secara lebih berkesan, Kerajaan telah menyusun semula pemberian STR dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) bagi tahun 2026.

Di bawah penambahbaikan ini, lebih 8 juta rakyat layak menerima bantuan SARA secara bulanan, termasuk 400,000 daripada kalangan miskin dan miskin tegar berdasarkan pangkalan data eKasih; menjadikan SARA sebagai bentuk bantuan asas yang menyediakan sokongan berterusan kepada rakyat.

STR pula diberikan sebagai bantuan tambahan secara suku tahunan, disasarkan kepada isi rumah dan warga emas tiada pasangan berpendapatan RM5,000 dan ke bawah sebulan, termasuk golongan miskin dan miskin tegar yang berdaftar dengan eKasih.

Pendekatan bersepadu ini memastikan bantuan bersasar dapat disalurkan secara lebih teratur, stabil dan berkesan, di samping memberi ruang kewangan tambahan pada waktu keperluan puncak seperti musim perayaan. Peruntukan keseluruhan STR dan SARA bagi tahun 2026 berjumlah **RM15 bilion**, kekal yang tertinggi dalam sejarah Kerajaan Persekutuan.

“Kerangka Ekonomi MADANI mendambakan lantai kehidupan rakyat dinaikkan agar semua mampu berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah. Apakala rakyat terbelah dan keperluan asas dipenuhi, nescaya siling ekonomi dapat kita naikkan bersama dengan lebih bermaya dan lestari,” kata YAB Dato' Seri Anwar.

Bagi mengurangkan risiko keciciran, permohonan baharu dan rayuan STR dibuka sepanjang tahun melalui portal rasmi <https://bantuantunai.hasil.gov.my>. Soalan lazim (FAQ) berkenaan STR juga disediakan di portal tersebut, manakala status pengkreditan dan soalan lazim (FAQ) SARA boleh disemak terus melalui portal rasmi SARA <https://sara.gov.my>.

Kelayakan STR adalah berdasarkan had pendapatan seperti yang ditetapkan. Selaras dengan amalan terbaik bagi pelaksanaan program bantuan sosial, setiap permohonan turut melalui proses semakan dan verifikasi dengan pelbagai agensi Kerajaan **bagi mengesahkan kelayakan pemohon.**

Bagi pemohon baharu, selain daripada had pendapatan, semakan berkala akan diadakan setiap suku tahunan untuk menyemak pemilikan kediaman, pemilikan kenderaan, pemilikan perniagaan, serta rekod bekerja atau menetap di luar negara.

Semua pemohon bertanggungjawab memberikan maklumat yang tepat dan benar dalam permohonan mereka. Sekiranya didapati wujud maklumat palsu atau tidak tepat, tindakan undang-undang boleh diambil. Kerajaan juga berhak menarik balik mana-mana bantuan yang diluluskan sekiranya berlaku ketidakpatuhan.

Kementerian Kewangan (MoF) mengingatkan penerima STR agar berwaspada terhadap pautan palsu dan cubaan penipuan oleh pihak tidak bertanggungjawab. Sebagai langkah keselamatan, MOF tidak pernah meminta maklumat peribadi melalui SMS atau WhatsApp, dan penerima disaran merujuk hanya kepada portal rasmi STR bagi sebarang maklumat terkini.

Kementerian Kewangan

Putrajaya

14 Januari 2026

Lampiran

1. Pembayaran STR Fasa 1 akan disalurkan secara berperingkat:

Kaedah Pembayaran	Tarikh Pembayaran
Mempunyai akaun bank - Dikreditkan terus ke dalam akaun bank	Mulai 20 Januari 2026
Tiada akaun bank (termasuk di Sabah, Sarawak dan W.P. Labuan) - Pembayaran secara tunai melalui cawangan Bank Simpanan Nasional	

2. Pembayaran STR Fasa 1 mengikut kategori kelayakan masing-masing:

Kategori Penerima	Jumlah Penerima	Kadar Bayaran	Implikasi Kewangan (RM)
Isi Rumah ($\leq$ RM2,500)	2.7 juta	RM200 - RM500	0.8 bilion
Isi Rumah (RM2,501-RM5,000)	1.0 juta	RM100 - RM200	0.1 bilion
Warga Emas Tiada Pasangan	1.3 juta	RM150	0.2 bilion
JUMLAH	5.0 juta	-	RM1.1 bilion

3. Perbandingan pembayaran STR dan SARA Bulanan Tahun 2025 dan 2026 mengikut kategori kelayakan masing-masing:

Kategori Penerima	Had Umur	Kategori Bantuan / Pendapatan Bulanan	Bilangan Anak	Jumlah Bantuan STR		Semua Penerima STR Layak SARA Bulanan (RM100/RM50 setahun)		Jumlah STR + SARA Bulanan		Tambahan SARA Bulanan untuk Miskin dan Miskin Tegar (RM100/50 setahun)	Jumlah Maksimum dan Minimum STR + SARA Bulanan
				2025	2026	2025	2026	2025	2026		
ISI RUMAH	Tiada Had Umur	RM2,500 dan ke bawah (3.1 juta penerima)	Tiada	RM1,000	RM700	RM900	RM1,200	RM1,900	RM1,900	RM1,200/ RM600 setahun (RM100/ RM50 setiap bulan untuk 12 bulan)	Maksimum: RM4,600 Minimum: RM600
			1-2 Anak	RM1,500	RM1,200	RM900	RM1,200	RM2,400	RM2,400		
			3-4 Anak	RM2,000	RM1,700	RM900	RM1,200	RM2,900	RM2,900		
			≥5 Anak	RM2,500	RM2,200	RM900	RM1,200	RM3,400	RM3,400		
		RM2,501 – RM5,000 (1.0 juta penerima)	Tiada	RM500	RM200	RM900	RM1,200	RM1,400	RM1,400		
			1-2 Anak	RM750	RM450	RM900	RM1,200	RM1,650	RM1,650		
			3-4 Anak	RM1,000	RM700	RM900	RM1,200	RM1,900	RM1,900		
WARGA EMAS TIADA PASANGAN	≥60 Tahun	RM5,000 dan ke bawah (1.3 juta penerima)	Tiada	RM600	RM600	RM450	RM600	RM1,050	RM1,200		
BUJANG	21-59 Tahun	RM2,500 dan ke bawah (3.3 juta penerima)	Tiada	RM600	-	-	RM600	RM600	RM600		